

**PENGGUNAAN KAD VINA MEMBANTU MURID TAHUN EMPAT MENGENAL
PASTI KRONOLOGI DAN MEMBANDING BEZA CIRI-CIRI KEGIATAN
MASYARAKAT PRASEJARAH**

Samsinar Binti Iskandar
inanqsei95@gmail.com

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji sejauh manakah penggunaan Kad Vina dapat membantu murid Tahun Empat mengenal pasti kronologi dan membanding-beza ciri-ciri kegiatan masyarakat Zaman Prasejarah. Kajian ini melibatkan empat orang murid dari Kelas Empat Cempaka yang mengalami masalah mengenal pasti kronologi dan membanding-beza ciri-ciri kegiatan masyarakat Prasejarah. Kad Vina merupakan hasil gabung jalinan elemen warna dan visual gambar bagi membantu murid mengenal pasti kronologi dan membanding-beza ciri-ciri kegiatan setiap masyarakat prasejarah. Terdapat lima aktiviti yang dijalankan dengan menggunakan Kad Vina. Data telah dikumpul melalui kaedah pemerhatian berstruktur, soal selidik, temu bual berstruktur dan analisis dokumen. Seterusnya dapatkan dianalisis dan disemak menggunakan triangulasi kaedah dan sumber. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa Kad Vina dapat membantu murid Tahun Empat mengenal pasti dan memahami zaman Prasejarah secara kronologi dan membanding-beza ciri-ciri kegiatan setiap masyarakat Prasejarah berdasarkan peningkatan positif yang ditunjukkan oleh peserta kajian saya melalui aktiviti dan lembaran kerja sekaligus membantu meningkatkan keberkesanannya dan kualiti PdP saya sebagai guru Sejarah. Aspek penambahbaikan yang boleh dilakukan terhadap kajian ini ialah menjadikan Kad Vina dalam bentuk komik sejarah serta memasukkan Elemen Kewarganegaraan yang bersesuaian.

Kata kunci: kronologi, membanding-beza, Zaman Prasejarah, warna, visual gambar.

ABSTRACT

The purpose of this research is to investigate how far the use of the Vina Card can help Primary Four students identify chronology and compare the features of the Prehistoric society. Preliminary surveys show that pupils could not arrange the Prehistoric times accordingly and compare the features of each Prehistoric society properly. The research involved four students from Primary Four Cempaka who had problems identifying chronology and comparing the features of the Prehistoric society. Vina Card is the result of the combination of colour and visual elements to help students identify chronology and compare the features of each Prehistoric society. There are five activities conducted using Vina Card. Data was collected through structured observation, questionnaires, structured interviews and document analysis. Then, the findings were analyzed and reviewed by using triangulation methods and sources. The findings show that Vina Cards can help Primary Four students to identify and understand Prehistoric times in chronology and compare the features of each Prehistoric society based on the positive improvement shown by my research participants through activities and worksheets as well as helping to improve effectiveness and quality of my teaching methods as a History teacher. Aspect that can be improved throughout this research is to make Vina Cards in the form of historical comics and include the appropriate patriotic elements.

Keywords: chronology, comparing, Prehistoric times, color, visual

Pengenalan

Sejarah merupakan mata pelajaran teras yang wajib dipelajari oleh semua murid Tahap Dua dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) mulai tahun 4 di sekolah rendah. Objektifnya adalah untuk menyemai kefahaman terhadap mata pelajaran Sejarah sejak sekolah rendah lagi. Berbekalkan pengetahuan dan kefahaman terhadap aspek sejarah, negara mampu melahirkan warganegara yang berjiwa patriotik. Jadi, melalui kurikulum Sejarah, murid diberi pendedahan untuk menganalisis dan menilai fakta sejarah secara matang. Memandangkan kurikulum Sejarah ini merupakan kurikulum yang baru dilaksanakan di peringkat sekolah rendah, perhatian yang mendalam terhadap pelaksanaannya perlu dititikberatkan. Hal ini kerana, kurikulum sejarah bukanlah satu mata pelajaran yang mudah untuk dikuasai oleh murid kerana pelbagai disiplin ilmu yang perlu dipelajari terutamanya bagi murid yang berprestasi sederhana dan lemah. Salah satu bidang yang sukar dikuasai oleh murid dalam mata pelajaran Sejarah ialah topik zaman Prasejarah yang terdapat di dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Sejarah Tahun Empat. Topik tersebut berkenaan sejarah awal manusia ribuan tahun dahulu yang mana memerlukan kemahiran imaginasi yang tinggi oleh murid-murid untuk menguasai fakta-fakta dalam zaman Prasejarah.


Semasa menjalani praktikum fasa satu di SK Helang dan SK Api-api, saya mendapati isu yang sama timbul apabila mengajar tajuk Zaman Prasejarah. Hasil dapatan awal melalui lembaran kerja murid tahun Empat Terbilang dan Empat Cempaka serta catatan refleksi pada Rancangan Pengajaran Harian (RPH) bertarikh 5 Ogos 2016 dan 4 September 2017 menunjukkan murid tidak dapat mengenal pasti kronologi zaman Prasejarah dan membanding beza ciri-ciri kegiatan setiap masyarakat prasejarah. *Rajah 1* merupakan bukti murid tidak dapat menyiapkan lembaran kerja yang diberikan oleh guru.



Murid-murid tidak dapat melengkapkan jadual zaman prasejarah pada lembaran kerja.

Rajah 1. Murid menjawab soalan pada lembaran kerja

Selain daripada menggunakan refleksi pdp sebagai dokumen untuk dianalisis, saya juga telah menganalisis lembaran kerja beberapa orang murid 4T bagi mengukuhkan lagi kajian yang akan saya lakukan ini. Berdasarkan *Rajah 3*, saya telah memberikan lembaran kerja berkenaan tempoh masa zaman prasejarah, hasil kerja murid pada menunjukkan murid tidak dapat menguasai susunan kronologi zaman dengan betul. Buktinya dapat dilihat pada *Rajah 2*.



Rajah 2. Peserta kajian tidak dapat menjawab lembaran kerja

Semasa menjalani praktikum kedua di SK Api-api, saya juga turut mengutip data awal melalui lembaran kerja murid bertarikh 4 September 2017 pada Rajah 3 juga menunjukkan murid tidak dapat melengkapkan jadual Prasejarah. Murid hanya dapat sekurang-kurangnya mengisi 8 soalan dengan betul daripada 16. Ketika menjalani internship pula, sekali lagi saya mengutip data awal iaitu lembaran kerja murid bertarikh 27 Februari 2018 bagi memastikan isu dan masalah ini benar-benar perlu dikaji dengan lebih mendalam agar murid dapat menguasai tajuk zaman Prasejarah. Lembaran kerja murid yang telah disemak Bersama-sama guru pembimbing praktikum dan internship iaitu En. Edward (bukan nama sebenar) dan Cikgu Lily (bukan nama sebenar).

Arahan: Lembaran kerja jadual prasejarah di bawah dengan betul.				
ZAMAN	PALAEOLITIK	MESOLITIK	NEOLITIK	LOGAM
CRITERIA				
TAHUN KEMERUJUDAN	45.000 ✓	10.000 ✓	5.000 ✓	2.500 ✓
PETEMPATAN	air / dataran rendah dataran tinggi	dataran rendah dataran tinggi	dataran rendah dataran tinggi	dataran rendah dataran tinggi
CARA HEDAH KEGIATAN EKONOMI	menangkap ikan berburu mamalia berburu burung	menanam tanaman berburu mamalia berburu burung	menanam tanaman berburu mamalia berburu burung	menanam tanaman berburu mamalia berburu burung
ALATAN	batu ✓	batu ✓	batu ✓	batu ✓

Arahan: Lembaran kerja jadual prasejarah di bawah dengan betul.				
ZAMAN	PALAEOLITIK	MESOLITIK	NEOLITIK	LOGAM
CRITERIA				
TAHUN KEMERUJUDAN	45.000 ✓	10.000 ✓	5.000 ✓	2.500 ✓
PETEMPATAN	air / dataran rendah dataran tinggi	dataran rendah dataran tinggi	dataran rendah dataran tinggi	dataran rendah dataran tinggi
CARA HEDAH KEGIATAN EKONOMI	menangkap ikan berburu mamalia berburu burung	menanam tanaman berburu mamalia berburu burung	menanam tanaman berburu mamalia berburu burung	menanam tanaman berburu mamalia berburu burung
ALATAN	batu ✓	batu ✓	batu ✓	batu ✓

Arahan: Lembaran kerja jadual prasejarah di bawah dengan betul.				
ZAMAN	PALAEOLITIK	MESOLITIK	NEOLITIK	LOGAM
CRITERIA				
TAHUN KEMERUJUDAN	45.000 ✓	10.000 ✓	5.000 ✓	2.500 ✓
PETEMPATAN	air / dataran rendah dataran tinggi	dataran rendah dataran tinggi	dataran rendah dataran tinggi	dataran rendah dataran tinggi
CARA HEDAH KEGIATAN EKONOMI	menangkap ikan berburu mamalia berburu burung	menanam tanaman berburu mamalia berburu burung	menanam tanaman berburu mamalia berburu burung	menanam tanaman berburu mamalia berburu burung
ALATAN	batu ✓	batu ✓	batu ✓	batu ✓

Rajah 3. Hasil lembaran kerja peserta kajian

Hasil dapatan data awal sepanjang menjalani praktikum dan internship ini membuktikan bahawa murid menghadapi kesukaran untuk menguasai tajuk zaman Prasejarah. Oleh itu, sebagai seorang guru, saya perlu melaksanakan kajian tindakan ini bagi membantu menyelesaikan masalah murid terhadap penguasaan tajuk zaman Prasejarah dan sekaligus memperbaiki amalan pengajaran dan pembelajaran saya. Oleh itu, kajian tindakan ini dihasilkan bertujuan untuk membantu murid Tahun Empat mengenal pasti kronologi zaman Prasejarah dan membanding-beza ciri-ciri kegiatan setiap masyarakat Prasejarah menggunakan bahan bantu mengajar (BBM) yang menggabung jalankan elemen warna dan visual gambar yang dikenali sebagai Kad Vina.

Fokus Kajian

Fokus kajian saya adalah membantu meningkatkan penguasaan murid dalam tajuk zaman Prasejarah iaitu mengenal pasti kronologi dan membanding-beza ciri-ciri kegiatan setiap masyarakat Prasejarah. Tajuk zaman Prasejarah diperkenalkan bertujuan untuk menjelaskan kehidupan manusia zaman prasejarah. Sekiranya murid tidak dapat mengenal pasti kronologi dan membanding-beza ciri-ciri kegiatan masyarakat Prasejarah maka murid tidak akan dapat menguasai Standard Prestasi yang telah ditetapkan di dalam Kurikulum Sejarah Sekolah Rendah.

Objektif Kajian

- a. Membantu murid mengenalpasti kronologi dan membanding beza ciri-ciri zaman pra sejarah menggunakan Kad Vina.
- b. Membaiki amalan pengajaran dan pembelajaran guru dalam mengajar tajuk Zaman Prasejarah menggunakan Kad Vina dalam mengenal pasti kronologi dan membanding beza ciri-ciri Zaman Prasejarah.

Soalan Kajian

- a. Sejauhmanakah penggunaan Kad VINA membantu murid mengenal pasti kronologi dan membanding beza ciri-ciri Zaman Prasejarah.
- b. Sejauhmanakan amalan pengajaran dan pembelajaran guru dapat dibaiki dalam mengajar tajuk Zaman Prasejarah menggunakan Kad VINA dalam mengenal pasti kronologi dan membanding beza ciri-ciri Zaman Prasejarah.

Peserta Kajian

Selain bertindak sebagai pengkaji, saya juga bertindak sebagai peserta kajian yang bertujuan untuk menambah baik amalan PdP saya mengenai zaman Prasejarah. Saya juga telah memilih empat orang murid sebagai peserta kajian saya iaitu Ryan, Julian, Sarah dan Melisa. *Jadual 1* dibawah menunjukkan pemilihan peserta kajian adalah berdasarkan masalah tidak dapat mengenal pasti kronologi dan membanding beza ciri-ciri kegiatan masyarakat Prasejarah, pencapaian akademik yang sederhana dan lemah, hasil markah lembaran kerja yang kurang daripada 10 markah serta tingkah laku negatif yang ditunjukkan di dalam kelas seperti mengganggu rakan lain, mengelamun dan kurang keyakinan diri.

Jadual 1.

Maklumat Peserta Kajian.

Bil	Nama	Kelas	Umur	Prestasi Akademik
1	Ryan	4C	10	Sederhana
2	Julian	4C	10	Sederhana
3	Sarah	4C	10	Lemah
4	Melisa	4C	10	Lemah


Tindakan Kajian

Model Stephen Kemmis dan Mc Taggart (1988) digunakan dalam melaksanakan kajian tindakan ini. Berpandukan model ini, terdapat empat langkah kajian tindakan dilaksanakan berdasarkan kitaran dalam *Rajah 4* di bawah.



Rajah 4. Model Stephen Kemmis dan Mc Taggart (1988)

Tindakan yang saya jalankan untuk membantu murid mengenal pasti kronologi dan membanding beza ciri-ciri kegiatan setiap masyarakat Prasejarah adalah menggunakan Kad Vina. Kad Vina merupakan inovasi yang menggabung jalinkan elemen warna dan visual gambar. Tujuan saya memilih gabung jalinan warna dan visual gambar adalah untuk memudahkan murid mengenal pasti susunan zaman mengikut kronologi berpandukan warna dan dapat membanding beza ciri-ciri Zaman Prasejarah melalui visual gambar. Menurut Faraha Latifah (2006), warna memainkan peranan penting dalam kehidupan terutamanya bagi kanak-kanak. Hal ini kerana, kanak-kanak merupakan individu yang menggunakan warna untuk membuat pengecaman objek disekelilingnya dan disokong oleh Hajijah Hassan (2008), Juliza Rosli (2010) dan Zulina dan Ramlah (2012), mereka melaporkan bahawa penggunaan warna dalam pembelajaran murid dapat meningkatkan kefahaman konsep dan isi pelajaran. Rajah 5 dibawah menunjukkan bahagian depan dan belakang inovasi Kad Vina.



Rajah 5. Bahagian depan dan belakang Kad Vina.

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan oleh Noor Azean dan Zaidatin Tasir (2008), penggunaan visual gambar mempunyai kelebihan lebih daripada pemikiran linguistik seperti murid berupaya menghubungkan sesuatu perkara (*spatial*), dan berkeupayaan menggambarkan sesuatu perkara dalam bentuk yang lebih mudah. Menurut Azura Mohd Nor dan Sabariah Sharif (2012), maklumat yang terkandung di dalam buku teks harus direka dan digunakan dengan cara yang dapat membantu murid untuk belajar. Oleh itu, kad visual gambar yang digunakan di dalam inovasi ini adalah berbentuk kartun yang bertujuan untuk menarik minat dan merangsang pemikiran murid mengenai tajuk zaman Prasejarah yang diajar. Jadi hasil daripada gabung jalinan warna dan visual gambar, membolehkan murid memahami dengan lebih mudah dan jelas mengenai tajuk Zaman Prasejarah. *Rajah 6* dibawah menunjukkan langkah-langkah penggunaan Kad Vina.



Rajah 6. Langkah-langkah penggunaan Kad Vina

Kaedah Mengumpul Data

Pemerhatian. Bagi memudahkan proses pengumpulan data, saya membina borang pemerhatian tingkah laku yang mengandungi 7 item utama dan tingkah laku yang ditunjukkan oleh peserta kajian akan direkodkan sepanjang pelaksanaan inovasi

Soal Selidik. Instrumen soal selidik berkaitan Kad Vina akan diisi oleh keempat-empat peserta kajian saya dan rakan internship saya yang bertindak sebagai pemerhati kedua dalam inovasi ini. Instrumen ini mengandungi soalan yang menilai keberkesanan inovasi yang saya laksanakan ke atas amalan pengajaran dan pembelajaran saya sendiri dan ke atas peserta-peserta kajian saya

Temu Bual Berstruktur. Chow dan Jaizah (2011), menyatakan bahawa temubual adalah teknik yang berupaya mengesan persepsi seseorang termasuklah pemikiran, sikap dan nilainya. Dalam kajian ini, saya akan menggunakan temubual berstruktur kepada guru pembimbing internship dan peserta kajian bagi mendapatkan data mengenai penggunaan Kad Vina.

Analisis Dokumen. Saya menggunakan lembaran kerja peserta kajian sebagai dokumen yang wajib dianalisis. Hal ini kerana, melalui lembaran kerja, pengkaji dapat mengesan sejauhmana pemahaman dan penguasaan peserta kajian terhadap pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan.

Kaedah Menganalisis Data

Kaedah analisis kandungan digunakan bagi menganalisis data yang dikumpul melalui pemerhatian, soal selidik, temu bual bersama guru pembimbing internship dan peserta kajian serta dokumen seperti lembaran kerja murid.

Kaedah Menyemak Data

Saya akan menggunakan dua triangulasi bagi menyemak semula data yang telah dianalisis antaranya ialah triangulasi kaedah dan triangulasi sumber. Triangulasi kaedah dijalankan bagi membuat semakan ke atas data yang diperolehi daripada pemerhatian, soal selidik, temubual dan analisis dokumen. Triangulasi sumber pula dilaksanakan oleh guru pembimbing internship untuk membuat semakan semula selaku pihak kedua bagi mengesahkan semakan yang telah saya buat.

Dapatan Kajian

Sejauhmanakah penggunaan Kad VINA membantu murid mengenal pasti kronologi dan membanding beza ciri-ciri Zaman Prasejarah.

Analisis Data Pemerhatian. Melalui pemerhatian berstruktur terhadap tingkah laku peserta kajian yang telah dilakukan sepanjang inovasi dilaksanakan, keempat-empat peserta kajian menunjukkan tingkah laku yang positif. Di mana, peserta kajian melibatkan diri secara aktif di dalam aktiviti kumpulan iaitu aktiviti pilih dan susun kad visual gambar. Sepanjang sesi inovasi berlangsung, peserta kajian iaitu Ryan, Julian, Sarah dan Melisa menunjukkan minat yang mendalam untuk mempelajari zaman Prasejarah menggunakan Kad Vina. Semasa sesi pembentangan, peserta kajian dapat menjelaskan kepada rakan tentang susunan kronologi zaman prasejarah dan membanding-beza ciri-ciri kegiatan masyarakat prasejarah dengan tepat menggunakan Kad Vina. *Rajah 7* menunjukkan hasil pemerhatian tingkah laku peserta kajian yang dinyatakan diatas.

Borang Pemerhatian Tingkah Laku Murid		
Nama Murid:		
Tarikh:	6/3/18	
Bil	Tingkah laku semasa melaksanakan aktiviti	Catatan (/)
1.	Melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti kumpulan	✓
2.	Menunjukkan minat mempelajari zaman Prasejarah menggunakan Kad Vina	✓
3.	Boleh menjelaskan kepada rakan susunan kronologi zaman prasejarah menggunakan Kad Vina	✓
4.	Boleh membanding-beza ciri-ciri kegiatan setiap zaman prasejarah menggunakan Kad Vina	✓
5.	Menjawab lembaran kerja dengan jujur dan menelepoti masa.	✓

Borang Pemerhatian Tingkah Laku Murid		
Nama Murid:		
Tarikh:	6/3/18	
Bil	Tingkah laku semasa melaksanakan aktiviti	Catatan (/)
1.	Melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti kumpulan	✓
2.	Menunjukkan minat mempelajari zaman Prasejarah menggunakan Kad Vina	✓
3.	Boleh menjelaskan kepada rakan susunan kronologi zaman prasejarah menggunakan Kad Vina	✓
4.	Boleh membanding-beza ciri-ciri kegiatan setiap zaman prasejarah menggunakan Kad Vina	✓
5.	Menjawab lembaran kerja dengan jujur dan menelepoti masa.	✓

Borang Pemerhatian Tingkah Laku Murid		
Nama Murid:		
Tarikh:	6 - 8/3	
Bil	Tingkah laku semasa melaksanakan aktiviti	Catatan (/)
1.	Melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti kumpulan	✓
2.	Menunjukkan minat mempelajari zaman Prasejarah menggunakan Kad Vina	✓
3.	Boleh menjelaskan kepada rakan susunan kronologi zaman prasejarah menggunakan Kad Vina	✓
4.	Boleh membanding-beza ciri-ciri kegiatan setiap zaman prasejarah menggunakan Kad Vina	✓
5.	Menjawab lembaran kerja dengan jujur dan menelepoti masa.	

Borang Pemerhatian Tingkah Laku Murid		
Nama Murid:		
Tarikh:	6 - 8/3/18	
Bil	Tingkah laku semasa melaksanakan aktiviti	Catatan (/)
1.	Melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti kumpulan	✓
2.	Menunjukkan minat mempelajari zaman Prasejarah menggunakan Kad Vina	✓
3.	Boleh menjelaskan kepada rakan susunan kronologi zaman prasejarah menggunakan Kad Vina	✓
4.	Boleh membanding-beza ciri-ciri kegiatan setiap zaman prasejarah menggunakan Kad Vina	✓
5.	Menjawab lembaran kerja dengan jujur dan menelepoti masa.	✓

Rajah 7. Hasil data pemerhatian tingkah laku peserta kajian sepanjang inovasi dijalankan.

Analisis Soal Selidik. Selain itu, kaedah soal selidik digunakan untuk mendapatkan pandangan peserta kajian terhadap penggunaan Kad Vina. Soal selidik menggunakan skala 1 hingga 5 yang mewakili sangat tidak setuju kepada sangat setuju digunakan bagi memudahkan peserta kajian membuat pemilihan. Hasil dapatan soal selidik menunjukkan peserta kajian sangat bersetuju dan setuju terhadap penggunaan Kad Vina dalam mengenal pasti kronologi zaman prasejarah dan membanding-beza ciri-ciri kegiatan masyarakat zaman prasejarah. Berikut merupakan keputusan keseluruhan soal selidik ditunjukkan dalam Jadual 2.

Jadual 2

Keputusan Soal Selidik Penggunaan Kad Vina kepada Murid

Bil	Item	Setuju	Sangat setuju
1	Pengajaran guru lebih mudah difahami menggunakan Kad Vina		✓✓✓
2	Kronologi empat zaman prasejarah mudah diingat menggunakan Kad Vina		✓✓✓
3	Ciri-ciri setiap zaman prasejarah lebih mudah diingat menggunakan Kad Vina	✓	✓✓✓
4	Kad Vina memudahkan saya membanding-beza ciri-ciri setiap zaman prasejarah	✓	✓✓✓
5	Penggunaan Kad Vina menyeronokkan saya	✓	✓✓✓
6	Saya suka belajar tentang zaman prasejarah dengan menggunakan Kad Vina		✓✓✓

Analisis Temu Bual. Hasil temu bual bersama peserta kajian juga membuktikan bahawa mereka dapat mengenal pasti kronologi serta membanding-beza ciri-ciri kegiatan masyarakat prasejarah. Hasil temu bual yang telah ditranskripkan di bawah merupakan temubual yang telah saya jalankan bersama peserta kajian saya iaitu Ryan bertarikh 7 Mac 2018.

- Saya : Apakah perasaan kamu setelah menggunakan Kad Vina bagi belajar tajuk zaman Prasejarah?
- Ryan : **Best** cikgu. Lebih **senang** untuk faham.
- Saya : Adakah penggunaan Kad Vina dapat membantu kamu dalam mengenal pasti kronologi zaman prasejarah?
- Ryan : Ya cikgu. Saya **dapat kenalpasti semua** kronologi zaman guna warna cikgu. Merah paleolitik .. biru mesolitik .. kuning neolitik .. hijau logam.
- Saya: Adakah penggunaan Kad Vina memudahkan kamu untuk mengenal pasti dan membuat banding-beza ciri-ciri setiap zaman prasejarah?
- Ryan : **Mudah cikgu.** Sebab kan **ada kad gambar** tu cikgu jadi **senang saya nak buat banding-beza ciri-ciri setiap zaman**. Kalau guna buku teks saya tak dapat kenalpasti cikgu ciri-ciri sebab saya tak tahu mana satu ciri-ciri dia sebab banyak cikgu.
- Saya : Pada pandangan kamu, adakah pengguna Kad Vina ini perlu dilaksanakan pada pengajaran dan pembelajaran akan datang?
- Ryan : **Ya cikgu.** Kad Vina ni **best sebab ada gambar-gambar** dan saya tak perlu baca buku teks sebab panjang cikgu. Guna Kad Vina **senang dan best**.

Beberapa tema yang diperolehi daripada data temu bual ialah seperti *best*, senang, dapat kenal pasti semua, mudah dan senang buat banding beza. Tema-tema yang diperolehi daripada data temu bual membuktikan bahawa penggunaan Kad Vina dapat menambah baik amalan pedagogi guru khususnya dalam mengajar tajuk yang berkenaan berikutan dengan peningkatan minat dan penyertaan peserta kajian semasa proses pdpc. Selain itu, peserta kajian juga dapat mengenal pasti kronologi dan banding beza ciri setiap zaman masyarakat prasejarah.

Analisis Dokumen. Dapatan pada lembaran kerja selepas inovasi dilakukan menunjukkan peningkatan di mana kesemua peserta kajian iaitu Ryan, Julian, Sarah dan Melisa dapat menjawab kesemua soalan dengan betul pada jadual prasejarah. Bagi meningkatkan kebolehpercayaan dan kesahihan hasil lembaran kerja murid, saya telah membuat triangulasi sumber ke atas tiga-tiga lembaran kerja murid sebelum, semasa dan selepas inovasi dilaksanakan. Hal ini bertujuan untuk memastikan hasil dapatan pada lembaran kerja diterima dan diperakui. Triangulasi sumber bersama guru pembimbing internship iaitu Cikgu Lily dan rakan internship Mohammad Arsyad (dengan izin) membuktikan penggunaan Kad Vina banyak membantu meningkatkan pengetahuan dan penguasaan peserta kajian. *Rajah 8* di bawah merupakan lembaran kerja selepas inovasi dijalankan. Dapatan kajian menunjukkan peserta kajian dapat mengenal pasti kronologi dan membanding beza ciri-ciri masyarakat pra sejarah.

Kata: _____ Tahun: _____				
Nisbah: Lengkapkan jadual prasejarah di bawah dengan betul.				
ZAMAN	PALEOLITIK	MESOLITIK	MELITIK	LOGAM
TAHUN KEWUJUDAN	40 000	0 000	50 000	2 500
PETEMPATAN	Di atas tanah pasir Mengering atau kering	Di atas tanah pasir Mengering atau kering	Terbatas di kawasan sejauh mungkin dari sumber pasir Untuk mendapat pasir yang dibutuhkan	Terbatas di kawasan sejauh mungkin dari sumber pasir Untuk mendapat pasir yang dibutuhkan
CARA HIDUP KEGIATAN EKONOMI	Mengumpul hasil-hasil Mengumpul hasil-hasil hasil pertanian dan hasil perikanan	Mengumpul hasil-hasil Mengumpul hasil-hasil hasil pertanian dan hasil perikanan	Bersama-sama 2 mengumpul ap 3 menyusun ap	Bersama-sama 2 mengumpul ap 3 menyusun ap
ALATAN	batu-batu batu-batu untuk membuat membuat	batu-batu batu-batu untuk membuat membuat	Tembakar Sangat 2 Rupa	Tembakar Sangat 2 Rupa

Kata: _____ Tahun: _____				
Nisbah: Lengkapkan jadual prasejarah di bawah dengan betul.				
ZAMAN	PALEOLITIK	MESOLITIK	MELITIK	LOGAM
TAHUN KEWUJUDAN	40 000	0 000	50 000	2 500
PETEMPATAN	Di atas tanah pasir Mengering atau kering	Di atas tanah pasir Mengering atau kering	Terbatas di kawasan sejauh mungkin dari sumber pasir Untuk mendapat pasir yang dibutuhkan	Terbatas di kawasan sejauh mungkin dari sumber pasir Untuk mendapat pasir yang dibutuhkan
CARA HIDUP KEGIATAN EKONOMI	Mengumpul hasil-hasil Mengumpul hasil-hasil hasil pertanian dan hasil perikanan	Mengumpul hasil-hasil Mengumpul hasil-hasil hasil pertanian dan hasil perikanan	Bersama-sama 2 mengumpul ap 3 menyusun ap	Bersama-sama 2 mengumpul ap 3 menyusun ap
ALATAN	batu-batu batu-batu untuk membuat membuat	batu-batu batu-batu untuk membuat membuat	Tembakar Sangat 2 Rupa	Tembakar Sangat 2 Rupa

Kata: _____ Tahun: _____				
Arahan: Isi jawapan anda di ruangan yang disediakan				
Nama	1. 40 000 Tahun 2. batu-batu 3. mengumpul hasil-hasil			
Nama orangtuanya	1. tinggi 2. mengumpul hasil-hasil 3. bersama-sama			
Nama ibu bapa	1. batu-batu 2. mengumpul hasil-hasil 3. bersama-sama			
Nama kakitangan rumah tangga	1. Tinggi 2. Batu-batu 3. Mengumpul hasil-hasil			

Kata: _____ Tahun: _____				
Arahan: Isi jawapan anda di ruangan yang disediakan				
Nama	1. 40 000 Tahun 2. di atas 3. Paleolitik			
Nama orangtuanya	1. di atas 2. mengumpul hasil-hasil			
Nama ibu bapa	1. 40 000 Tahun 2. tembakar batu 3. bersama-sama			
Nama kakitangan rumah tangga	1. Tinggi 2. Batu-batu 3. Mengumpul hasil-hasil			

Rajah 8. Hasil lembaran kerja peserta kajian selepas inovasi.

Berdasarkan hasil dapatan keempat-empat kaedah iaitu pemerhatian berstruktur, soal selidik, temu bual berstruktur dan juga analisis dokumen yang telah menjalani triangulasi kaedah dan triangulasi sumber bersama pihak kedua iaitu guru pembimbing dan rakan seinternship, membuktikan penggunaan Kad Vina dalam mengenalpasti kronologi zaman prasejarah dan membanding-beza ciri-ciri kegiatan masyarakat prasejarah mampu menjawab persoalan kajian dan mencapai objektif kajian aitu membantu murid mengenal pasti kronologi zaman prasejarah dan membanding-beza ciri-ciri kegiatan setiap zaman prasejarah.

Sejauhmanakan amalan pengajaran dan pembelajaran guru dapat dibaiki dalam mengajar tajuk Zaman Prasejarah menggunakan Kad VINA dalam mengenal pasti kronologi dan membanding beza ciri-ciri Zaman Prasejarah

Penggunaan Kad Vina dalam mengajar tajuk zaman Prasejarah telah banyak menambah baik amalan pengajaran saya. Hal ini kerana, setelah menjalani inovasi menggunakan Kad Vina ini, saya mendapati isi pengajaran lebih mudah difahami oleh murid dan murid menunjukkan minat dan keseronokan terhadap inovasi yang dijalankan sepanjang sesi pdp.

Hasil temu bual bersama guru pembimbing internship saya iaitu Cikgu Lily (bukan nama sebenar) turut menunjukkan penggunaan Kad Vina banyak membantu dalam menambah baik amalan pengajaran saya. Temu bual ini dijalankan pada 9 Mac 2018. Berikut merupakan transkip temu bual saya dengan Cikgu Lily.

Saya	Apakah yang cikgu dapat perhatikan sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran saya menggunakan Kad Vina?
Cikgu Lily	Bagus. Saya dapat melihat isi pengajaran dapat disampaikan dengan mudah dan murid senang untuk fahami sebab murid sendiri yang terlibat secara aktif dalam melengkapkan Kad Vina ini menunjukkan murid minat terhadap inovasi yang awak lakukan.
Saya	Pada pandangan cikgu, adakah murid lebih mudah untuk mengenal pasti kronologi zaman prasejarah dan membanding-beza ciri-ciri kegiatan setiap masyarakat prasejarah?
Cikgu Lily	Ya. Saya lihat murid mudah untuk membuat perbandingan ciri-ciri kegiatan masyarakat prasejarah menggunakan kad visual gambar kerana murid dapat melihat dan mengimaginasi kad visual gambar yang mereka tengok berbanding dengan hanya membaca perkataan sahaja. Semasa sesi pembentangan juga saya lihat murid dapat menjelaskan dan membanding-beza ciri-ciri kegiatan masyarakat prasejarah menggunakan Kad Vina
Saya	Apakah cadangan penambahbaikan yang boleh cikgu berikan terhadap penggunaan Kad Vina ini?
Cikgu Lily	Mungkin awak boleh jadikan Kad Vina sebagai buku atau komik sebab kad visual gambar yang awak guna menarik minat murid. Awak juga boleh boleh menjadikan Kad Vina ini sebagai satu permainan.

Beberapa tema seperti senang untuk fahami, murid minat dan terlibat dan mudah membuat perbandingan menunjukkan guru pembimbing bersetuju bahawa penggunaan kad Vina dapat menambah baik amalan pdp saya bagi tajuk berkenaan. Isi pengajaran zaman prasejarah dapat disampaikan dengan lebih mudah dan murid senang untuk memahami isi pelajaran tajuk tersebut. Tambahan pula, murid menunjukkan minat terhadap inovasi Kad Vina yang digunakan kerana semasa aktiviti melengkapkan kad visual gambar, murid menunjukkan tingkah laku yang positif di mana semua murid melibatkan diri secara aktif sepanjang melengkapkan aktiviti tersebut. Semasa sesi pembentangan berlangsung, murid kelihatan lebih seronok dan yakin ketika membentangkan hasil kad visual gambar yang dilengkapkan. Perubahan positif ini jelas dapat dilihat sepanjang tempoh inovasi dilaksanakan berbanding dengan sebelum inovasi dijalankan, murid kelihatan tidak berminat untuk mengikuti sesi pengajaran dan pembelajaran guru.

Secara keseluruhannya, hasil dapatan daripada soal selidik dan temu bual jelas membuktikan kejayaan penggunaan Kad Vina dalam menjawab persoalan kedua kajian iaitu dapat membaiki amalan pengajaran dan pembelajaran guru dalam mengajar tajuk Zaman Prasejarah menggunakan Kad Vina dalam mengenal pasti kronologi dan membanding beza ciri-ciri Zaman Prasejarah dan secara langsung objektif kedua kajian dapat dicapai.

Refleksi

Kajian tindakan ini dijalankan ialah dapat menambah baik amalan pengajaran saya. Hal ini kerana, sebelum inovasi dilaksanakan, murid kurang menunjukkan minat terhadap pengajaran zaman Prasejarah. Bagi murid, tajuk zaman prasejarah merupakan satu tajuk yang susah dan sukar untuk difahami kerana murid tidak hidup pada zaman tersebut. Tambahan pula, bahan bantu mengajar yang digunakan sebelum inovasi dilaksanakan adalah sangat membosankan kerana ianya melibatkan terlalu banyak perkataan tanpa penggunaan gambar. Ini menyukarkan keadaan kerana terdapat murid yang mempunyai tahap pencapaian yang berbeza dan terdapat juga murid yang tidak tahu membaca. Setelah adanya inovasi penggunaan Kad Vina untuk mengajar zaman Prasejarah, ianya banyak menambah baik amalan pengajaran saya seperti yang telah dinyatakan pada dapatan kajian, isi pengajaran disampaikan dengan mudah dan kesannya murid senang untuk memahami tajuk pelajaran tersebut.

Seterusnya, kajian tindakan ini adalah satu usaha guru untuk menyediakan bahan bantu mengajar tajuk zaman Prasejarah. Penggunaan Kad Vina sebagai bahan bantu mengajar tajuk zaman prasejarah bukan sahaja dapat meningkatkan penguasaan murid dalam mengenal pasti kronologi, malah turut membantu murid dalam melakukan banding-beza ciri-ciri kegiatan masyarakat prasejarah. Hasil penggunaan Kad Vina ini dapat dilihat pada lembaran kerja murid, dimana murid dapat menjawab kesemua soalan mengenai zaman prasejarah dengan betul. Bahan bantu mengajar yang sebeginilah yang seharusnya dibuat oleh guru-guru dalam meningkatkan prestasi murid bukan hanya memfokuskan kepada bahan bantu mengajar yang banyak dan menarik namun tidak memberi impak kepada murid dan guru sendiri.

Perubahan tingkah laku positif keempat-empat peserta kajian dapat dilihat daripada hasil dapatan pemerhatian. Keempat-empat peserta kajian iaitu Ryan, Julian, Sarah dan Melisa melibatkan diri secara aktif sepanjang sesi inovasi berjalan sama ada secara kumpulan mahupun individu. Ianya berbeza dengan sebelum inovasi dijalankan di mana keempat-empat peserta kajian masing-masing dengan sikap dan tingkah laku negatif mereka seperti suka mengganggu rakan lain, mengelamun dan kurang yakin apabila diajukan soalan. Buktinya juga dapat dilihat melalui lembaran kerja peserta kajian yang mana mereka dapat melengkapkan jadual Prasejarah yang diberikan dengan betul dan tepat. Ini menunjukkan pencapaian yang baik kepada diri mereka.

Cadangan Penambahbaikan

Penggunaan Kad Vina dalam mengenal pasti kronologi dan membanding-beza ciri-ciri kegiatan masyarakat prasejarah masih dapat digunakan secara optimum pada kitaran seterusnya. Bagi menambah baik penggunaan Kad Vina pada masa hadapan, pengkaji boleh mengubah bentuk Kad Vina kepada komik sejarah. Hal ini kerana bahan kad visual gambar berbentuk kartun sesuai digunakan sebagai cerita. Murid akan lebih mudah memahami dan ianya lebih tahan lama berbanding menggunakan kad manila. Jadi sebagai langkah cadangan, Kad Vina boleh dijadikan sebagai buku atau komik prasejarah dengan memasukkan Elemen Kewarganegaraan yang sesuai

pada Kad Vina. Elemen kewarganegaraan ini sangat penting agar murid dapat menghargai dan menghayati kepentingan tajuk Zaman Prasejarah ini di ajar dan perkaitannya kepada negara Malaysia.

RUJUKAN

- Akhtiar Pardi dan Shamsina Shamsuddin. (2012). *Pengantar Penyelidikan Tindakan*. Selangor: Sasbadi Sdn. Bhd.
- Azura Mohd. Nor dan Sabariah Sharif. Penggunaan Bahan Visual Di Kalangan Guru Teknikal. *Jurnal Pemikir Pendidikan*. (5):79-98.
- Chow, F.M., dan Jaizah Mahamud. (2011). Kajian Tindakan: *Konsep dan Amalan Dalam Pengajaran*. Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Faraha Latif binti Mohd. (2006). *Kajian Warna: Kecenderungan Pemilihan Warna Oleh Kanak-Kanak*. Universiti Malaysia Sarawak.
- Hajjah Hassan. (2008). Kaedah Mesra Warna dalam Kalangan Pelajar Tingkatan Lima. *Kajian Tindakan Sempena Hari Profesionalisme SMK Majakir Papar*.
- Noor Azean Atan dan Zaidatun Tasir. 2008. *Visualization Application through Computer Network Leraning System (V-Conels) in Authentic Learning Environments for Teachers*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Zulina Ahmad Zawawi & Ramlah Mohd Dom. (2012, Julai). *Elemen Warna, Ruang dan Irama Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam dalam kalangan Guru pelatih Semester 5 IPG Kampus Pendidikan Islam*. Paper presented at the Persidangan Pendidikan Islam Kebangsaan 2012, Negeri Sembilan.